



Call to Industry (CTI)

PERKARA	PEMBAYARAN BAGI PERKHIDMATAN ABCI MELALUI ONE COMMON BILLING SYSTEM (OCBS)		
DIKELUARKAN OLEH	PENGURUSAN / KEMAJUAN INDUSTRI		
TARIKH DIKELUARKAN	24 JANUARI 2023	TARIKH MANSUH	-
NO PINDAAN	01		

TUJUAN:

Call to industry ini berfungsi sebagai notis dan peringatan kepada semua syarikat-syarikat mahupun pihak yang berkepentingan industri pembinaan serta syarikat-syarikat pengiklanan yang berdaftar untuk memastikan semua maklumat yang dihadapakan kepada Autoriti adalah sah dan betul serta mengambil perhatian kepada prosedur permohonan yang dipohonkan.

Pihak Autoriti menerima beberapa permintaan daripada syarikat untuk menghantar notifikasi berulang kali. Ini disebabkan oleh kurangnya pengetahuan dan kesedaran tentang proses permohonan kerajaan yang sedia ada. Ini termasuk:

1. Tidak memberikan nombor telefon bimbit atau alamat emel yang aktif
2. Memberikan nombor telefon/emel yang tidak dapat dihubungi dan lain dari yang didaftarkan dalam pendaftaran
3. Tidak menyemak dan menggunakan rujukan invois yang tidak betul
4. Tidak menyemak maklumat pembayaran dan membuat pembayaran dengan jumlah yang tidak tepat
5. Tidak mengendahkan maklumat arahan di dalam invois yang dikeluarkan
6. Melengahkan pembayaran

Penggunaan rujukan invois yang tidak betul atau kesilapan dalam pengurusan pembayaran yang dilaksanakan boleh menjejaskan tempoh masa permohonan diproses memandangkan pembayaran perlu diperbetulkan atau pembayaran balik (refund) kepada syarikat dilaksanakan.

Oleh itu, bermula dari tarikh CTI ini dikeluarkan, pembayaran bagi perkhidmatan ABCi hendaklah dijelaskan dalam tempoh masa **2 bulan dari tarikh invois dikeluarkan**. Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan nombor telefon bimbit dan emel yang dihadapakan adalah aktif dan dapat menerima notifikasi yang dikeluarkan oleh sistem berkenaan. Mana-mana permohonan yang tidak dijelaskan pembayaran yurannya dalam tempoh masa berkenaan maka permohonan tersebut dengan sendirinya dikira batal dan sebarang permintaan notifikasi tidak akan dilayan. Syarikat-syarikat disarankan untuk menghadapkan permohonan semula. Maklumat lanjut mengenai penggunaan sistem OCBS boleh diperolehi [disini](#).

Bagi keterangan lanjut, sila hubungi
Emel: ABCi.customerservice@mod.gov.bn
Whatsapp Hotline ABCi: +673 814 0365

- TAMAT -



Call to Industry (CTI)

TOPIC	PAYMENT OF ABCI SERVICES VIA ONE COMMON BILLING SYSTEM (OCBS)		
ISSUED BY	MANAGEMENT / INDUSTRY DEVELOPMENT		
ISSUE DATE	24 JANUARY 2023	EXPIRY DATE	-
REVISION NO	01		

PURPOSE:

This call to industry serves as a notice and reminder to all construction companies, industry stakeholders as well as registered advertising companies to ensure that all information presented to the Authority is legitimate and correct as well as to understand and follow application procedure for services applied.

The Authority have been receiving several requests from companies to send notifications repeatedly. This is due lack of knowledge and awareness of current government application processes. This includes:

1. Not providing an active mobile phone number or email address
2. Providing a phone number/email that cannot be reached and false or incorrect details from registered information
3. Not confirming and utilising an incorrect invoice reference
4. Not confirming payment details and making payment with an incorrect amount
5. Disregarding instructional information within the issued invoice
6. Delaying payment

The use of an incorrect invoice reference or errors in managing the payment procedure may affects the processing time for the application as payment may need to be corrected or a refund to be made to the company.

Therefore, starting from the date of this CTI is issued, payment for ABCi services must be cleared within a period of **2 months from the date the invoice is issued**. Companies are responsible for ensuring that the mobile phone number and email provided are active and able to receive notifications issued by the system. Any application that are not paid within the time period allocated, will be deemed canceled and any notification request will not be entertained. Further information regarding usage of the One Common Billing System (OCBS) can be found [here](#).

For further clarifications, please contact
Email: ABCi.customerservice@mod.gov.bn
Whatsapp Hotline ABCi: +673 814 0365

- END -